

# “Tok Mudim Ohhh Tok Mudim”

Oleh ; Fazlina Md. Fadzil

Program ' Tok Mudim Ohhh Tok Mudim ' merupakan satu langkah atau pendekatan terbaik yang diambil oleh Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2008 & 2009 dengan kerjasama 'Cyberjaya University College Of Medical Science' (CUCMS), Hospital Tuanku Fauziah dan Klinik Kesihatan UniMAP untuk membantu anak-anak yatim dan anak-anak golongan kurang berkemampuan untuk mendapat peluang berkhatah secara percuma. Program berkhatah beramai-ramai ini telah berlangsung pada 14 dan 15 Mac 2009 bertempat di Sekolah Rendah Kebangsaan Panggau, Perlis. Program ini melibatkan lima orang doktor perubatan dan 40 orang pelajar perubatan dari CUCMS. Tema program 'Tok Mudim Ohhh Tok Mudim' iaitu "Zaman Kanak-kanak Berlalu....Jom Tempuh Alam Baru!" begitu berkesan sehingga berjaya menarik penyertaan hampir 150 orang peserta yang terdiri dari kanak-kanak yang berusia sekitar 7 hingga 12 tahun. Antara objektif penganjuran program amal seperti ini secara tidak langsung dapat meringankan beban keluarga yang kurang berkemampuan untuk membolehkan anak-anak mereka berkhatah.

Di samping itu, program seperti ini dapat mendekatkan lagi hubungan silaturahim dan sumbangan khidmat bakti golongan mahasiswa terhadap komuniti setempat. Program ini juga diadakan sebagai wadah atau medium untuk kanak-kanak ini mendapat peluang menunaikan tuntutan Islam walaupun mereka tidak mempunyai ibubapa atau hidup dalam keluarga yang miskin. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Penolong Pendaftar Kanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Encik Mohamad Shabudin Bin Mohd Noor. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dihulurkan kepada pihak Sekolah Rendah Kebangsaan Panggau Perlis, Hospital Tuanku Fauziah, para doktor dan pelajar perubatan dari 'Cyberjaya University College Of Medical Science' dan juga pihak PISKANITA UniMAP atas kesudian memberikan kerjasama dan sumbangan dalam menjayakan program amal ini.

